

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)

TARIKH : 25 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menyambung semula Program Jiwa Murni mamandangkan ATM mempunyai aset-aset yang boleh digunakan untuk membangunkan infrastruktur dan lain-lain pembangunan di kawasan yang memerlukan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Angkatan Tentera Malaysia (ATM) telah melaksanakan pelbagai Projek Jiwa Murni sama ada di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak sejak dari dahulu lagi. Ia meliputi pembinaan infrastruktur seperti jalan raya, jambatan serta rumah kediaman. Selain itu, Projek Jiwa Murni yang merangkumi perkhidmatan kesihatan dan pergigian serta pendidikan juga dilaksanakan khususnya kepada rakyat di kawasan pedalaman.

ATM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan yang lain bagi melaksanakan projek-projek pembangunan infrastruktur dan lain-lain bantuan terutamanya di kawasan pedalaman dalam konteks Projek Jiwa Murni. Bagi program-program bersifat kemasyarakatan pula, ia masih terus dilaksanakan sehingga sekarang.

Terima kasih.